



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>TNB will be penalised by the Energy Commission</u>	Soya Cincau	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Penang to crack down on illegal plastic waste processing</u>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Are plastics getting a bad name?</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 1
4.	<u>Stop Malaysia being the world's top plastic dumping site — Meera Badmanaban</u>	Malay mail	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Stop M'sia from being world's top plastic dumping site!</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
6.	<u>Tiada kompromi kilang sisa plastik gagal patuhi syarat / Tindakan jika kilang sisa plastik gagal patuhi syarat Tiada kompromi</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 2
7.	<u>Kesalahan TNB sedang disiasat, jumlah penalti akan diumumkan segera</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 3
8.	<u>Australian High Commissioner: Statement on Lynas carefully considered, accurate</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
9.	<u>Udang galah 'mabuk'</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
10.	<u>Fenomena 'udang galah mabuk' cetus kebimbangan</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
11.	<u>Sungai Kim Kim masih belum selamat /</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita / Rujuk



	<u>Sungai Kim Kim berdepan masalah sampah-sarap</u>		lampiran 4
12.	<u>Mustahil kerajaan Kelantan tak tahu - Timbalan Menteri</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Mustahil Kerajaan Kelantan tak tahu</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
14.	<u>Mustahil Kerajaan Kelantan tak tahu / 'Mustahil mereka tidak tahu'</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 5
15.	<u>Kampung Kuala Koh diisytihar zon merah</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
16.	<u>Kafan cara Islam</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
17.	<u>Ganjaran DriveMark</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
18.	<u>500 electric taxis will arrive by end-August</u>	The Malaysian Reserve	Klik pada tajuk berita
19.	<u>Punca kematian boleh tahu lebih awal</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 6
20.	<u>Kematian tak selari aktiviti perlombongan</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 7
21.	<u>Kerjasama dengan penyelidik tempatan</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 8
22.	<u>'Absurd to say Kelantan govt not aware of mining area'</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 9
23.	<u>Pusat lupus sampah haram punca bau busuk</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 10

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
-----	--------	-------	----------------------




24.	<u>Jumpa tulang mayat seorang penduduk</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
25.	<u>Polis halang orang awam, media masuk kampung Orang Asli</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
26.	<u>Mayat orang asli depan mata</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
27.	<u>Laluan masuk ke Kuala Koh ditutup hari ini</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
28.	<u>Polis jumpa satu rangka Orang Asli</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
29.	<u>Orang Asli Kuala Koh: Kawasan kampung diklasifikasikan Zon Merah</u>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
30.	<u>Lihat depan mata kejadian tanah runtuh, banjir lumpur di Taman Bukit Cheras</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
31.	<u>10 lokasi terjejas akibat banjir kilat di Melaka</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
32.	<u>Bimbang penempatan sementara Orang Asli tercemar bakteria</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 11

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
33.	<u>India to evacuate 300,000 from cyclone</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
34.	<u>'Climate change can threaten peace'</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 12
35.	<u>Humans Ingest 250g of Plastic Yearly</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 13

LAMPIRAN 1
NEW STRAITS TIMES (OPINION): MUKA SURAT 60
TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)

LEGALLY SPEAKING



SALLEH BUANG

MISCONCEPTIONS

ARE PLASTICS GETTING A BAD NAME?

A carefully managed transition to a circular economy will not only be good for human and environmental health but will also keep plastics and their value in the economy

ARE plastic bags bad for the environment? The media gives us that impression. But is it really so?

In January last year, a newspaper quoted Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA) president Datuk Lim Kok Boon as saying there were many misconceptions of plastic and its negative effects on the environment that should be corrected.

"There is so much information on the Internet but not is are true. Some authorities are also giving inaccurate statements and misleading the public into believing negative stuff about using plastic."

To prove his point, he cited three popular myths: that degradation is good, that reusable paper and biodegradable bags are more environmentally friendly than plastic bags, and that plastic bags are not recyclable.

He said the truth was just the opposite: degradation emits harmful greenhouse gases, single-use polyethylene grocery bags have a lower carbon footprint than alternative paper or reusable bags, and that plastic bags are 100 per cent recyclable.

Lim added that the "unfair plastic war" has given a bad reputation to plastic bags.

He questioned whether biodegradable products do "actually degrade in the landfill".

He said degradation occurs when there is moisture and heat. Landfills in Malaysia, however, are engineered to eliminate moisture and retard biodegradation.

Due to a lack of oxygen, most of the waste goes through anaerobic degradation (without oxygen), releasing methane gas (CH4) instead of carbon dioxide (CO2).

Both are greenhouse gases that cause global warming, with methane 22 times more harmful

than carbon dioxide. "So why are we promoting biodegradation when our aim is to protect the environment? On the other hand, plastic bags are inert and can be recycled many times."

In a joint statement issued recently, MPMA and Malaysia Plastic Recyclers Association (MPRA) stated that the ban on the import of "plastics waste" imposed by the government was "unnecessary, ill-considered, and will harm law-abiding manufacturers and businesses".

The two associations said recycling done by legal operators supports local and foreign brands in the electrical and electronics, automotive and other manufacturing sectors as well as in the construction industry.


A total ban would bring Malaysia's participation in "the global circular economy to a halt", they said.

They said recycling plays a vital role in protecting the environment as well as managing and disposing of waste. "As an economic activity, recycling benefits society and contributes to sustainability."

Expressing their displeasure at activists "for lumping permitted imports and smuggled wastes together", the two associations maintained that they support the government's efforts to take enforcement actions against smugglers, as well as the crackdown on illegal recycling operations.

They agree "that Malaysia has no place for other countries' rubbish, and we should not become the developed world's dumping ground".

They said that it is time for the regulators and the policy makers to hold "a proper forum" to discuss and formulate "a robust, effective regulatory framework" for Malaysia's role in the global cir-



The Malaysian Plastics Manufacturers Association says plastic bags are inert and can be recycled many times. FILE PIC

cular economy. Last year, Malaysia became a major destination country for plastic waste after China banned imports of such waste.

Dozens of recycling plants were established in Malaysia, many operating without a licence. Many of these illegal plants imported low quality and contaminated plastic waste from developed countries.

Last May, Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin said Malaysia would be shipping back 3,300 tonnes of plastic waste to US, Canada and Saudi Arabia.

The drastic action was taken as part of a clampdown on imports of improperly labelled rubbish in Southeast Asia.

Malaysia has banned imports of contaminated plastic waste since October.

However, 62 companies hold approved permits (AP) to import and process plastic waste. These permits were issued by the National Solid Waste Management Department of the Housing and Local Government Ministry.

I recently came across a 244-page document titled "A circular economy for plastics", which was published by the European Commission.

It contains information on global plastic pollution, suggests solutions to eliminate plastic pollution, deals with issues of concern to human and environmental health, and provides business models for plastics in a circular economy.

The document concludes that there is a "lack of a coherent reg-

ulatory and legislative framework in operation across Europe" on the subject matter and recommends a review of waste legislation to include the latest recycling technologies.

We cannot ignore the fact that we live in "the plastic age" where more than 300 million metric tonnes of plastic are produced every year globally.

Seven of the G20 countries are amongst the top 20 contributors to marine litter. At the same time, we cannot deny that plastic remains a key material in the global economy.

A carefully managed transition to a circular economy will not only be good for human and environmental health but will also keep plastics and their value in the economy.

Netherlands had formulated "A Circular Economy in the Netherlands by 2050". In 2015, the European Commission had formulated its European Union Action Plan for the Circular Economy.

According to Walter Stahel, the originator of the circular economy concept, if a business person desires to set up a manufacturing plant to make profit, he can make five times as much from opening a remanufacturing plant.

In a circular economy, there is no waste. The key to the success of a circular plastics economy is waste management, and this comes through recyclability, not biodegradability.

The writer formerly served the Attorney-General's Chambers before he left for private practice, the corporate sector and academia

They said recycling plays a vital role in protecting the environment as well as managing and disposing of waste.

LAMPIRAN 2
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 22
 TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)

Tindakan jika kilang sisa plastik gagal patuhi syarat

Tiada kompromi

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
 pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 12 JUN

KERAJAAN Negeri Pulau Pinang tidak akan berkompromi dengan kilang-kilang sisa plastik di negeri ini yang gagal beroperasi mengikut syarat-syarat ditetapkan.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar negeri, Phee Boon Poh berkata, pihaknya sedang menyemak semula semua lesen kilang-kilang sisa plastik itu supaya selari dengan 18 syarat baharu pemberian lesen import (AP) seperti ditetapkan Kerajaan Pusat.

Dalam masa sama, beliau mengingatkan kerajaan negeri juga tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap kilang-kilang memproses sisa plastik yang beroperasi secara haram di negeri ini.

“Kilang-kilang ini mungkin mempunyai lesen beroperasi tetapi mereka juga perlu mematuhi syarat-syarat sebagai contoh mempunyai sistem rawatan air, sistem akhir hayat, pelan bangunan dan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT),” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini berkenaan penemuan tapak pelupusan sisa sampah di Gurun, Kedah yang didakwa berkemungkinan dipindahkan dari negeri ini.

Merujuk kepada laporan itu, Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu berkata, beliau tidak mempunyai maklumat lanjut



PHEE BOON POH menjawab pertanyaan wartawan berkaitan isu sampah plastik di Pulau Pinang di Kompleks Tun Abdul Razak, Georgetown, semalam. - BERNAMA

mengenai dakwaan tersebut, namun menjelaskan tidak pernah memberi tekanan kepada mana-mana kilang sisa berkenaan untuk berpindah dari negeri ini.

Bagaimanapun, ujar beliau, kerajaan negeri perlu mengemukakan penguatkuasaan terhadap kilang-kilang itu bagi menghalang penyeludupan sisa plastik tercemar ke negara ini.

“Kita sudah tegaskan jika mereka ingin terus beroperasi di negeri ini, maka mereka perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.”

“Syarat-syarat itu terlalu ketat dan mungkin ada syarikat yang gagal mematuhi jadi memilih untuk menutup operasi mereka di sini,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu, kerajaan negeri sedang bekerjasama dengan **Kementerian**

Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam siasatan melibatkan sebanyak 265 kontena sisa sampah plastik yang ditemui tersadai di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) sejak awal tahun ini.

Katanya, usaha kini menjurus kepada persetujuan supaya kontena-kontena itu dihantar semula ke negara asal yang mana kerajaan terbuka kepada perbincangan bersama wakil-wakil negara yang dilaporkan sebagai pemilik kontena berkenaan.

“Saya telah berbincang dengan seorang wakil negara pemilik kontena itu dan mereka mengaku yang mana perkara ini perlu diselesaikan secara baik supaya tidak terus mencemarkan alam sekitar,” katanya.

LAMPIRAN 3
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 4
TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)

Siasatan kesalahan TNB, penalti akan diumumkan segera

Kuala Lumpur: Senarai kesalahan dilakukan Tenaga Nasional Berhad (TNB), termasuk jumlah penalti bakal dikenakan terhadap syarikat utiliti masih pada peringkat akhir siasatan dan akan diumumkan segera sebaik proses itu selesai.

Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, Datuk Ir Ahmad Fauzi Hasan, berkata siasatan menyeluruh dan terperinci perlu dilakukan berhubung perkara itu sebelum pengumuman mengenainya dibuat oleh pihak suruhanjaya.

"Kesalahan TNB masih dalam siasatan dan akan diumumkan segera demi kepentingan pengguna," katanya ketika dihubungi BH, di sini semalam.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut ketika ditanya antara kesalahan dilakukan syarikat

utiliti berkenaan.

Semalam, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin dilaporkan berkata, TNB akan dikenakan penalti oleh Suruhanjaya Tenaga selepas didapati melakukan beberapa kesalahan dan ketidakpatuhan menyediakan perkhidmatan utiliti kepada pengguna.

Mendedahkan perkembangan terbaru itu, Bee Yin berkata, Suruhanjaya Tenaga sedang menyenaraikan jumlah kesalahan dilakukan TNB sebelum mengumumkan penalti yang perlu dibayar syarikat berkenaan.

Tak tepati prestasi

Katanya, siasatan awal mendapati TNB melakukan kesalahan kerana tidak menepati prestasi perkhid-



Kesalahan TNB masih dalam siasatan dan akan diumumkan segera demi kepentingan pengguna"

Ahmad Fauzi Hasan,
Pengerusi Suruhanjaya
Tenaga

matan piawai ditetapkan kementerian dalam menyediakan perkhidmatan elektrik baru-baru ini.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr Jacob George, mahu siasatan dan kadar penalti terhadap TNB dimuktamadkan segera demi kepentingan pengguna.

Katanya, kerajaan perlu menyediakan Kertas Putih berhubung kesalahan berkenaan kerana ia membabitkan kerugian kepada pengguna.

Beliau berkata, pihaknya juga sudah menghantar dua keping surat kepada syarikat utiliti terbabit untuk meminta penjelasan mengenai bayaran balik kepada pengguna yang menjadi mangsa peningkatan bil secara mendadak.

"CASSA menerima laporan ada pengguna yang dibuat 'bola' apabila berkunjung ke pejabat TNB berdekatan untuk mendapatkan penjelasan mengenai bil elektrik mereka," katanya.

George mendakwa pelanggan diminta pergi dari satu bahagian ke bahagian lain dan urusan berkenaan gagal diselesaikan sehari suntuk, sedangkan untuk pergi ke pejabat TNB ada yang terpaksa naik teksi atau perkhidmatan e-hailing.

"Lebih teruk dari itu, ada pengguna yang diminta menggunakan khidmat kontraktor berdaftar TNB dengan mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk melakukan pemeriksaan meter pintar, untuk memastikan meter berkenaan dalam keadaan baik atau sebaliknya," katanya.

LAMPIRAN 4
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 20
TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)

Sungai Kim Kim berdepan masalah sampah-sarap

[FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM /BH]

➔ Paras air semakin cetek, jejas komuniti nelayan setempat

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhnews@bh.com.my

► Pasir Gudang

Tiga bulan selepas disahkan bebas dan selamat daripada pencemaran sisa kimia berbahaya, Sungai Kim Kim, di sini berdepan pula masalah pembuangan sampah-sarap, selain menjadi semakin cetek sehingga menjejaskan kehidupan komuniti nelayan setempat.

Penduduk setempat mendakwa walaupun sungai itu tidak lagi berbau busuk dengan sisa kimia, namun tahap kebersihannya masih diragui disebabkan ada pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah-sarap ke dalamnya.

Malah, keadaan sebahagian sungai yang semakin cetek tanpa diketahui puncanya turut dilihat antara penyebab komuniti nelayan dari kawasan hulu sungai tidak dapat meneruskan rutin menangkap ikan di laut sejak tiga bulan lalu.

Penduduk Kampung Bukit Pulai, Zulkifly Kassim, 50, mendakwa kekurangan pemantauan daripada agensi kerajaan selepas isu pencemaran sisa kimia



Keadaan terkini Sungai Kim Kim berhampiran Kampung Bukit Pulai, Pasir Gudang selepas dibersihkan kira-kira tiga bulan lalu.

reda mungkin menyebabkan pihak tidak bertanggungjawab kembali menjadikan sungai itu sebagai tempat pembuangan sampah.

“Terdapat beberapa kawasan dicemari dengan longgokan sampah yang akhirnya masuk ke dalam sungai itu. Ia mungkin bukan dibuang oleh orang kampung sahaja kerana di sepanjang sungai terdapat banyak kilang beroperasi.

“Dengan kepadatan penduduk yang tinggi, termasuk kehadiran ramai warga asing yang bekerja di banyak kilang di situ, sesiapa sahaja boleh membuang sampah ke sungai berkenaan,” katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

Pada 7 Mac lalu, berlaku insiden pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, menjejaskan hampir 6,000 penduduk di se-

kitarnya, termasuk pelajar sekolah sehingga menyebabkan 111 sekolah di kawasan Pasir Gudang terpaksa diarahkan tutup sementara.

Keseluruhannya, 900 tan tanah tercemar bersama selut dan 1,500 tan air tercemar daripada dasar sungai itu dikumpul sebelum dilupuskan oleh kontraktor dilantik kerajaan.

Harap dapat turun ke laut

Sementara itu, Nursatria Rabu, 34, seorang nelayan yang tinggal di Kampung Bukit Pulai, di sini, mendakwa sungai itu menjadi cetek selepas proses pembersihan besar-besaran sisa kimia kira-kira tiga bulan lalu.

“Ramai nelayan dari kampung saya yang terletak di bahagian hulu sungai kini tidak dapat menyusur ke hilir sungai, seterusnya ke laut mengguna-

kan bot seperti kebiasaannya disebabkan sungai cetek.

“Airnya tidak lagi hitam seperti dulu, tetapi bertukar keruh. Kami buntu dan buat masa ini hanya berharap supaya paras air kembali normal supaya kami dapat kembali ke laut,” katanya.

Sementara itu, penduduk Kampung Pasir Putih, Sarimi Abd Rahman, 46, berkata suaminya, Hashim Ali, 50, yang juga seorang nelayan kini kerap membantunya berniaga di gerai makanan di hadapan rumah mereka.

“Bila sungai kotor dan tercemar, nelayan pasti terjejas kerana sukar menangkap hasil laut. Malah, mereka akan menanggung kerugian disebabkan bot rosak akibat kipas tersangkut pada sampah atau tersekat disebabkan air surut dan cetek,” katanya.



LAMPIRAN 5
SINAR HARIAN (KEMATIAN MISTERI DI GUA MUSANG): MUKA SURAT 2
TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)

KEMATIAN MISTERI DI GUA MUSANG

LAPORAN: AZLIDA ALIMIN, AKMALIAH RAZAK dan AIMAN SADIQ ABDULLAH

'Mustahil mereka tidak tahu'

**Tengku Zulpuri
sifatkan kenyataan
Timbalan MB
Kelantan sebagai
tidak masuk akal**

KUALA LUMPUR

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji berkata, mustahil kerajaan negeri Kelantan tidak mengetahui terdapat kawasan perlombongan bijih besi berhampiran penempatan penduduk Orang Asli suku Batek di Kuala Koh, Gua Musang.

Beliau menyifatkan kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah yang menafikan perkara itu sebagai tidak masuk akal. Beliau berkata, semakan yang



Rakaman foto kelmarin menunjukkan aktiviti perlombongan di Kuala Koh, Gua Musang berjalan seperti biasa. Gambar kecil: Tengku Zulpuri

dibuat pihaknya menunjukkan pelombong berkenaan memperoleh lesen untuk melombong sehingga tahun 2023.

"Sebelum sesebuah syarikat itu dibenarkan melombong di sesuatu kawasan, mereka perlu mendapatkan lesen melombong

daripada kerajaan negeri dan lesen pengoperasian daripada kerajaan Pusat. Jika tidak mereka dikategorikan sebagai pelombong haram.

"Hasil semakan, kita mendapati syarikat berkenaan memperoleh lesen perlombongan sehing-

ga 2023 tetapi lesen pengoperasian yang dikeluarkan oleh kerajaan Pusat telah tamat pada 2017 disebabkan syarikat itu tidak mematuhi Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (ELA).

"Jadi kenyataan itu (tiada kawasan perlombongan bijih besi) memang tidak masuk akal kerana saya sendiri telah turun padang dan mendapati mesin untuk menjalankan kerja-kerja berkenaan masih ada di kawasan itu," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sebelum ini, Mohd Amar memaklumkan kepada media, tiada sebarang rekod mengenai aktiviti perlombongan yang sah di kawasan itu dan perkara tersebut turut diakui Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri sendiri.

Mohd Amar dilaporkan berkata, dakwaan bahawa penduduk dijangkiti radang paru-paru kerana sumber air tercemar akibat

kewujudan lombong haram itu tidak tepat kerana penyakit berkaitan pernafasan itu adalah sejenis penyakit bawaan udara.

Mengulas tentang perkara itu, Tengku Zulpuri berkata, jika ia disebabkan penyakit bawaan udara, mengapa hanya suku Bateq yang terkena jangkitan penyakit berkenaan.

"Jadi masih terlalu awal juga untuk mengatakan penyakit ini bukan berpunca daripada sumber air walaupun sebelum ini Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) meningesahkan ia bebas daripada bahan radioaktif.

"Mereka perlu pantau kandungan air berkenaan untuk satu tempoh panjang melibatkan keadaan cuaca panas mahupun selepas hujan, barulah keputusan dapat diperoleh dengan tepat dan bukannya dengan mengambil sekali sahaja bacaan," katanya. - Bernama



LAMPIRAN 6
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 5
TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)

RCI WANG KELIAN

Punca kematian boleh tahu lebih awal

➔ Dua pakar forensik maklum ujian DNA patut dibuat segera

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

Putrajaya

Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai penemuan kem penempatan sementara dan kubur di Wang Kelian, Perlis, pada 2015 dimaklumkan

punca kematian 119 individu boleh dikenal pasti jika pakar forensik dipanggil lebih awal.

Dua pakar forensik berkongsi pendapat sama bahawa jika ujian deoksiribonukleik (DNA) dilakukan lebih awal, ia pasti memudahkan hal pengesanan semua mangsa.

Pakar Perunding Kanan Forensik, Hospital Besar Pulau Pinang, Datuk Dr Zahari Noor, berkata beliau dipertanggungjawab menjalankan bedah siasat lapan mayat selepas penemuan kubur terbabit.

Beliau yang juga saksi ke-41 berkata, sekiranya ujian DNA dilakukan pada awal penemuan kubur iaitu Januari 2015, lebih banyak bukti diperoleh.

"Apabila kubur dijumpai dan digali, sepatutnya pihak berkuasa memanggil pakar forensik yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan dan Pakar Forensik Hospital Besar Serdang, Dr Mohamad Azairi Ibrahim (saksi ke-40) adalah individu yang layak.

Bukti semakin hilang

"Seperti kes jenayah, jika ditanam hari ini, tetapi digali semula esok atau seminggu kemudian, buktinya masih ada, namun apabila semakin lambat digali, jadi bukti semakin hilang seperti kes ini, ia sudah berbulan-bulan.

"Saya juga tidak menolak, semua mayat terbabit dibiarkan atas per-

mukaan tanah hingga menyebabkan ia terdedah kepada cuaca yang menyebabkan cepat membusuk berbanding dalam tanah. Malah, mayat juga akan cepat reput jika terdedah dengan alat," katanya pada sesi pendengaran yang masuk hari ke-14 di Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, semalam.

Dr Zahari berkata, beliau dan pakar lain sukar mengetahui punca kematian kerana kebanyakan mayat diterima sudah reput hingga tinggal tulang.

"Sekiranya pihak forensik menerima mayat masih elok atau baru sebulan tempoh kematiannya, pasti bukti dapat dicari kerana tisu dan daging masih ada, tetapi kes ini,

semuanya sudah reput," katanya.

Sementara itu saksi ke-39, Pakar Perunding Kanan Forensik, Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah, Dr Mohd Suhani Mohd Noor berkata, berdasarkan laporan Jabatan Kimia, 104 daripada 114 mayat yang diperiksanya mempunyai ciri Kaukasia iaitu etnik di Asia Selatan.

"Ciri Kaukasia merujuk orang India atau etnik di Asia Selatan iaitu Bangladesh, India dan Pakistan.

"Saya bercakap berdasarkan ujian DNA dari Jabatan Kimia yang meletakkan hasil penemuannya ialah kaum India, namun bagi saya, lebih suka merujuknya sebagai Asia Selatan," katanya.

LAMPIRAN 7
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 6
TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)

KEMATIAN ORANG ASLI KUALA KOH

Kematian tak selari aktiviti perlombongan

➔ Jangkitan radang paru-paru, disebabkan bakteria, virus: Pakar

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim**
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jangkitan radang paru-paru sehingga menyebabkan kematian sekumpulan Orang Asli Kuala Koh mungkin tidak berpunca daripada aktiviti perlombongan bijih mangan yang didakwa beroperasi tanpa lesen.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Teknologi (Kimia) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Darfizzi Derawi, ketika mengutarakan pendirian itu berkata sebarang kesan kesihatan angkara pencemaran logam berat hanya berlaku menerusi tiga kaedah, iaitu menerusi pemakanan, serapan dan hidu.

Bersandarkan maklumat dan kronologi kes, katanya, kematian Orang Asli membabitkan seramai 14 orang, termasuk 12 orang yang dikebumikan mengikut adat di dalam hutan menunjukkan serangan jangkitan radang paru-paru, sama ada disebabkan bakteria atau virus berlaku secara cepat.

“Selalunya, impak aktiviti

perlombongan logam berat yang mungkin menyebabkan banyak bahan asing terampai dalam udara sehingga menjejaskan tahap kesihatan badan akan hanya menunjukkan kesan jangka panjang.

Tak dapat imunisasi

“Oleh itu, kematian sekumpulan Orang Asli dalam jangka pendek tidak selari dengan kesan perlombongan bijih mangan,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Darfizzi berkata, jangkitan kuman pada paru-paru atau pneumonia tidak mungkin berlaku sekiranya sumber air minuman Orang Asli Kuala Koh dicemari logam berat angkara aktiviti perlombongan bijih mangan.

Sehubungan itu, katanya, kematian Orang Asli daripada suku kaum Batek berkenaan yang dilaporkan tidak mendapat imunisasi sewajarnya daripada penyakit berjangkit mungkin berpunca daripada bakteria atau virus.

“Mungkin sekadar kebetulan mereka (Orang Asli) berada berdekatan dengan kawasan perlombongan, sekali gus membawa kepada teori bahawa ke-



[FOTO SYAMSI SUHAIMI /BH]

Antara ahli NGO mengadakan solat hajat di Pos kawalan anggota PGA di Ladang Aring 10, di Kampung Kuala Koh, semalam.



Dr Darfizzi Derawi

matian komuniti ini berpunca daripada pencemaran logam berat.

“Saya lebih yakin bahawa kematian sekumpulan Orang Asli ini berpunca daripada ketahanan badan yang lemah daripada jangkitan penyakit, selain didorong oleh faktor persekitaran dan kebersihan setempat sehingga akhirnya membawa kepada maut.

“Apa yang dialami komuniti Orang Asli Kuala Koh ini ialah serangan akut (mendadak) dan

bukan disebabkan jangkitan penyakit kronik yang memerlukan pendedahan kepada bahan asing dalam tempoh panjang untuk menunjukkan kesan,” katanya.

Laksana kajian sampel air Sementara itu, sumber Jabatan Kimia Malaysia memaklumkan pihaknya menerima beberapa sampel air daripada Kementerian Kesihatan dan Jabatan Alam Sekitar (JAS), mulai Ahad lalu, susulan kes kematian Orang Asli Kuala Koh.

Katanya, Jabatan Kimia Malaysia dikehendaki melaksanakan empat ujian, iaitu kewujudan logam berat, racun perosak, permintaan oksigen biologi (BOD) dan permintaan oksigen kimia (COD) terhadap semua sampel berkenaan.

“Ujian terhadap sampel dijangka siap Jumaat ini dan ia akan diserahkan kepada agensi berkaitan, iaitu Kementerian Kesihatan dan JAS untuk tindakan selanjutnya,” katanya.

LAMPIRAN 8
 UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 31
 TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)

Kerjasama dengan penyelidik tempatan

JABATAN Perhutanan Negeri Sembilan akan mengadakan kerjasama dengan penyelidik dari universiti tempatan untuk meneruskan kajian mengenai kemandirian serangga yang dilepaskan di Hutan Simpan Sungai Menyala, Port Dickson bagi melihat perkembangannya dalam persekitaran semula jadi.

Pengarahnya, **Salim Aman** berkata, kajian itu perlu bagi memantau sama ada serangga tersebut boleh bertahan dan hidup dalam persekitaran semula jadi berbanding dalam persekitaran terkawal semasa dalam proses biak baka di Aquaria KLCC.

“Kerja-kerja pelepasan ini memberi nilai tambah kepada hutan dan meningkatkan jumlah populasi spesies di Hutan Simpan Sungai Menyala.

“Hutan ini berkeluasan 1,280 hektar yang statusnya sebagai kawasan perlindungan sepenuhnya untuk pemuliharaan biodiversiti tumbuhan asli.

“Hutan ini masih dilindungi sebagai hutan

dipterokarpa yang masih dikekalkan sedangkan kawasan lain telah dimajukan sebagai kawasan pertanian,” ujarnya.

Jabatan itu kata beliau, amat mengalu-alukan dan menghargai usaha Aquaria yang memilih hutan simpan tersebut sebagai lokasi pelepasan serangga.

Menurut beliau, program pelepasan spesies ke habitat asalnya merupakan satu kaedah pemuliharaan yang baik.

Sementara itu Pengarah Perhilitan Negeri Sembilan, **Wan Mat Wan Harun** menyifatkan program pelepasan spesies flora dan fauna itu perlu diberi perhatian dalam usaha memperbanyakkan dan mempelbagaikan spesies di negara ini.

“Kami juga bekerjasama dengan agensi lain seperti

JPSM dan **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** bagi melepas spesies lain.

Spesies terancam ini perlu dilindungi dan diperbanyakkan sebab ia jarang ditemukan lagi tetapi penting dalam kitaran hidup biologi hutan.



WAN MAT WAN HARUN



SALIM AMAN



HUTAN Simpan Sungai Menyala dikekalkan dengan fungsinya sebagai pusat pendidikan dan pelancongan alam sekitar.

INFO

Nama umum: *Malayan Jungle Nymph*

Nama saintifik: *Heteropteryx dilatata*

Bilangannya di Aquaria:

● Jumlah induk: Dua ekor

● Jumlah spesies : 42 ekor (fasa dewasa dan juvenil)

● **Jumlah spesies yang akan dilepaskan:** 20 ekor (fasa juvenil)

● **Diet pemakanan dalam akuarium:**

● Daun mangga

● Daun jambu batu

● **Nama umum:** Yu pasir, *Brown-banded bamboo shark*

● **Nama saintifik:** *Chiloscyllium punctatum*

● **Bilangan yu pasir di Aquaria:**

● **Jumlah induk :** 24 ekor

● **Jumlah spesies yang akan dilepaskan :** 20 ekor (fasa juvenil dan bayi)

● **Diet pemakanan dalam akuarium:**

● Ikan kembung

● Sotong

● Udang

● **Objektif program pelepasan:**

● Mengembalikan ikan yu pasir yang telah dibiak di Aquaria KLCC ke lokasi asal.

● Membantu dalam menjamin kelestarian ekosistem agar dapat memastikan kelangsungan spesies pada masa akan datang.

● **Lokasi pelepasan:** Perairan Port Dickson, Negeri Sembilan.

● Lokasi merupakan kawasan perairan yang dilindungi dan di bawah perhatian Jabatan Perikanan Negeri Sembilan.

● Lokasi ini juga mempunyai sumber makanan yang sesuai dan mudah didapati oleh ikan yu pasir.

LAMPIRAN 9 NEW STRAITS TIMES (NATION / NEWS): MUKA SURAT 7 TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)



General Operations Force personnel checking vehicles entering Kuala Koh village in Gua Musang yesterday. PIC BY SYAMSI SUHAIMI

'Absurd to say Kelantan govt not aware of mining area'

KUALA LUMPUR: Deputy Water, Land and Natural Resources Minister Tengku Zulpuri Shah Raja Puji yesterday said it was impossible for the Kelantan government to be unaware that there was an iron ore mining area near the Batek tribe settlement in Kuala Koh, Gua Musang.

He said Deputy Menteri Besar Datuk Mohd Amar Nik Abdullah's statement denying the existence of the mining area was absurd because ministry's checks had found that the mining company had obtained the licence to operate until 2023.

"Before any mining company is allowed to operate, it is required to obtain a licence from the state government and an operating licence from the federal government.

"Or else, they will be categorised as illegal miners.

"Upon checking, we found that the mining company had obtained the mining licence until 2023... but the operating licence issued by the federal government had been terminated in 2017 as the company failed to comply with the Environmental Impact Assessment report.

"So, the statement (that there



Tengku Zulpuri Shah Raja Puji

was no such mining area) is utterly absurd because I had gone to the area and saw that the mining machines and equipment were still there," he said.

Prior to this, Amar was reported to have said that there was no record of legal mining activities in the areas and that the matter was verified by the state Department of Environment.

He was quoted as saying that the allegation that the Orang Asli of the Batek tribe were suffering from pneumonia because their water source was polluted by the mining operation was not true because pneumonia was spread from person to person through airborne droplets.

The Kelantan Fire and Rescue Department had verified that checks by its hazardous materials (Hazmat) team on Tuesday found that several areas in Kuala Koh were free of pollution or radioactive contaminants.

The checks were carried out on a few water sources, including former mining sites, water catchment areas, rivers and Felda Aring 10, using special equipment to detect harmful chemicals.

Bernama

'Health woes of Orang Asli date back to the 1980s'

GEORGE TOWN: There is an urgent need to address the root causes of health deterioration among the Orang Asli in the country, following deaths in the Batek community in Kampung Koh, Gua Musang, Kelantan recently.

Sahabat Alam Malaysia (SAM) president Meenakshi Raman said it was indeed shocking that days had passed but the authorities had yet to ascertain the actual cause of death.

She added that while SAM welcomed the emergency meeting called by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail to address the issue, it was not enough.

"A comprehensive response requires the federal and state authorities to recognise the plight of the indigenous communities



Meenakshi Raman

when their land and surrounding environment are destroyed, and their natural resources such as water are polluted," she said yesterday.

Meenakshi said the health woes of the indigenous communities were not unique to the Batek community.

"SAM has long documented incidences of poor health among indigenous people since the 1980s and in recent years.

"Through our groundwork, we have regularly encountered the valid suspicions raised by indigenous communities in Peninsular Malaysia and Sarawak, that many of their illnesses are caused by environmental destruction and pollution.

"These can range from fever to

stomach and digestive problems, diarrhoea, vomiting, skin and eye infections, to malaria.

"This we have seen, especially in the nomadic tribes, such as the Penan community in Baram, Sarawak," she added.

In addition, Meenakshi said, the deprivation and non-recognition of their native rights to land and natural resources to make way for companies involved in logging, plantations, mining and other interests had led to poverty, malnourishment, poor health and psychological distress, rendering them highly vulnerable to diseases and death.

She added that these problems were indeed preventable, if only states recognised the native rights of indigenous people to their land and natural resources.

Meenakshi said the states had a fiduciary duty to protect the rights of indigenous communities, as affirmed by the Federal

Constitution and several judicial decisions.

"In addition, there has been a failure on the part of our authorities in delivering basic services to our rural indigenous communities, such as clean water and electricity supply, good sanitation, transportation and education infrastructure and quality healthcare services.

"Throughout the years, countless letters and memoranda have been sent to federal and state authorities to repeat a litany of problems facing the indigenous communities in the country.

"Many of our concerns have been captured in the 136 resolutions produced by the National Orang Asli Convention in April this year.

"Further, the *Report of the National Inquiry into the Land Rights of Indigenous People* published by Suhakam in 2013 is a key national reference, describing the systemic nature of the violations of the indigenous

customary land rights in Malaysia and their impacts," she said, noting that the 18 recommendations had yet to be implemented.

SAM, Meenakshi said, urged the federal and state authorities to work together with indigenous, legal and civil society communities, to fully grasp the root cause of this tragedy, to establish the correct policy and legal reforms to protect the rights and welfare of the indigenous people.

"Similarly, Parliament must also establish a body to address the protection of the rights of these people.

"Unless the government recognises the systemic roots of the problems of our indigenous communities, the correct institutional solutions will continue to evade us.

"If this continues, then the tragedy befalling the Batek community may simply repeat itself."

By Audrey Dermawan

LAMPIRAN 10
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA): MUKA SURAT 46
TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)



Pusat lupus sampah haram punca bau busuk

Oleh **HARADIAN SHAH HAMDAN**
pengarang@utusan.com.my

■ **SEREMBAN 12 JUN**

SEBUAH premis pelupusan sampah haram didapati menjadi punca bau busuk di kawasan perumahan Garden Hills Residences di Nilai dekat sini sejak beberapa minggu lalu.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan dalam satu kenyataan berkata, tapak itu dikesan selepas jabatan tersebut menerima aduan orang awam berkenaan pencemaran udara berbau busuk dan air berwarna hitam di kawasan berkenaan pada 16 Mei lalu.

"Siasatan baru-baru ini mendapati timbunan sampah sarap di tapak aduan tersebut dan air berwarna hitam serta berbau busuk keluar dari timbunan sampah.

"Tiada pencemaran air masuk ke Sungai Pajam dikesan.

"Siasatan baru-baru ini mendapati timbunan sampah sarap di tapak aduan tersebut dan air berwarna hitam serta berbau busuk keluar dari timbunan sampah."

JAS NEGERI SEMBILAN

Siasatan mendapati tapak tanah di belakang Jalan Pajam-Nilai-Salak ini telah digunakan sebagai tapak pelupusan sampah domestik haram," kata kenyataan itu di sini.

Menurut kenyataan itu, satu Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dikeluarkan bagi mengarahkan premis berke-

naan menghentikan operasi dan menjalankan kerja-kerja pembersihan.

Katanya, sampah itu dipindahkan ke tapak pelupusan sampah yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dan kes itu dirujuk kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara.

Tambahnya, kertas siasatan dibuka terhadap kontraktor sampah berkenaan kerana didapati melanggar Seksyen 24 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu mencemarkan permukaan tanah sehingga menyebabkan pencemaran kepada penduduk.

Jelasnya, jika didapati bersalah boleh dikenakan denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya.

"Pihak premis juga didapati melepaskan larut resapan ke dalam alur air dan boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," ujarnya.

LAMPIRAN 11 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 10 TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)



Gua Musang

Bimbang penempatan sementara Orang Asli tercemar bakteria

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) tidak menolak kemungkinan ada penduduk Orang Asli Batek di Kuala Koh di sini, yang kembali semula ke penempatan mereka di dalam hutan selepas menerima rawatan.

Pengarah JAKOA Kelantan/Terengganu, Hashim Alang Abdul Hamid berkata, pihaknya percaya lebih 10 lokasi menjadi penempatan sementara 200 penduduk etnik berkenaan.

"Khemah khemah penduduk ini didirikan apabila mereka berpindah-randah sejak enam bulan lalu termasuk selepas berlakunya kematian. Ia amalan biasa masyarakat Orang Asli Batek.


"Namun hampir semua penduduk kampung itu sudah diberikan rawatan mencegah penularan radang paru-paru selepas kematian direkodkan.

"Dan setakat ini, belum ada lagi kes baharu dan keadaan terkawal termasuklah yang terima rawatan di hospital," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya juga bimbang sekiranya penempatan sementara yang dibina Orang Asli itu tercemar bakteria dan merisikokan penduduk yang tidak menerima rawatan.



REMAJA dan kanak-kanak suku kaum Batek berjalan ke tempat penempatan mereka yang terletak 3 kilometer dari kampung asal.



Kota Bharu

Lega bukan pencemaran

"Selama ini orang tuduh macam-macam mengenai (kes kematian) Orang Asli itu (kaitkan) dengan perlombongan.

"Alhamdulillah, jawapan diberikan (pihak berkuasa) jelas tidak bersangkut-paut dengan perlombongan dan pencemaran air," kata Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah.

Beliau mengulas mengenai kematian 14 Orang Asli Batek di Kuala Koh, Gua Musang berikutan penularan radang paru-paru atau pneumonia.

Menurutnya, kerajaan negeri mengambil perhatian isu itu dan tetap menyediakan bekalan air bersih kepada penduduk Orang Asli di situ biarpun sumber air kawasan berkenaan sudah disahkan selamat.

Katanya, selain menyediakan tangki air, pihaknya turut membawa bekalan air bersih untuk kegunaan masyarakat setempat.

"Setakat ini kita sudah bantu setakat yang kita boleh. Saya difahamkan di tempat itu ada digali telaga tiub dan apabila kenyataan dibuat tiada pencemaran di dalam air, maka telaga tiub itu selamat digunakan kecuali Jabatan Kesihatan buat kenyataan berbeza," katanya.

"Saya difahamkan tangki dah dihantar, air juga diberi, setakat hari ini masih lagi ada bekalan (air)," katanya ketika ditemui selepas Mesyuarat

Exco di sini, semalam. Mengulas lanjut, Mohd Amar berkata, mesyuarat itu turut membentangkan laporan keadaan semasa di kawasan perkampungan Orang Asli terbabit.

"Apa yang dilaporkan lebih kurang seperti yang disebut di akhbar, sebab maklumat diperolehi daripada Jabatan Kesihatan, polis dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)," katanya.



AHLI NGO menyediakan bantuan makanan, air mineral dan khemah untuk Orang Asli Batek.



LAMPIRAN 12
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 63
TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)

CAUSE OF CONFLICT

'Climate change can threaten peace'

LONDON: Climate change poses a threat to peace in countries around the world in the coming decade, according to an annual peace index released yesterday that factored in the risk from global warming for the first time.

Nearly a billion people live in areas at high risk from global warming and about 40 per cent of them are in countries already struggling with conflict, said the Australia-based Institute for Economics and Peace (IEP).

Climate change causes conflict due to competition over diminishing resources and may also threaten livelihoods and force mass migration, it said.

"Going forward, climate change is going to be a substantial problem," said Steve Killelea, executive chairman of the IEP.

"We can get a much better idea of which countries are most at risk, what are the types of risk and what would be the level of impact before it leads to a break or implosion within the country."

This year, the world became slightly peaceful for the first time in five years, said the IEP, which used data from think tanks, research institutes, governments and universities.

However, it remains significantly less peaceful than 10 years ago due to conflicts in the Middle

East, a rise in terrorism, and increasing numbers of refugees.

The index assigns each country a score between one and five, where one is the most peaceful and five is the least, based on 23 indicators ranging from homicide levels to weapons imports.

The effects of climate change can create a "tipping point", exacerbating tensions until a breaking point is reached, particularly in countries that are already struggling, said Killelea.

"Unless we have a world which is basically peaceful, it will be impossible to get the levels of trust and cooperation to solve these problems," he said. **Reuters**

LAMPIRAN 13
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 62
TARIKH: 13 JUN 2019 (KHAMIS)

MICROSCOPIC PARTICLES

HUMANS INGEST 250g OF PLASTIC YEARLY

Data from 52 studies say it's 5g weekly, about the weight of a credit card

PARIS

PEOPLE worldwide could be ingesting five grammes of microscopic plastic particles every week, equivalent in weight to a credit card, researchers said yesterday. Coming mostly from tap and especially bottled water, nearly invisible bits of polymer were also found in shellfish, beer and salt, scientists and the University of Newcastle in Australia reported. The findings, drawn from 52 peer-reviewed studies, are the first to estimate the sheer weight of plastics consumed by individual humans, about 250g over the course of a year. Another study calculated that

the average American eats and drinks in about 45,000 plastics particles smaller than 130 microns annually, while breathing in roughly the same number. "Not only are plastics polluting our oceans and waterways and killing marine life, it's in all of us," said Marco Lambertini, director-general of WWF International, which commissioned the new report. "If we don't want it in our bodies, we need to stop the millions of tonnes of plastic that continue leaking into nature every year." In the last two decades, the world has produced as much plastic as during the rest of history, and the industry is set to grow by four per cent a year until 2025, according to a new report by Grand View Research. More than 75 per cent of all plastics winds up as waste. A third of that — some 100 million tonnes — is dumped or leaches into nature, polluting land, rivers and the sea. On current trends, the ocean will contain one metric tonne of

plastic for every three metric tonnes of fish by 2025, according to *The New Plastics Economy* report, published by the Ellen MacArthur Foundation. Plastic particles have recently been found inside fish in the deepest recesses of the ocean, and blanketing the most pristine snows in the Pyrenees mountains between France and Spain. The authors of yesterday's report were up front about the limitations of their research, starting with the fact that little is known about health consequences. Gaps in data were filled with assumptions and extrapolations that could be challenged, though the estimates, they insisted, were on the conservative side. They invited other researchers

to build on their conclusions. "Developing a method of transforming counts of microplastic particles into masses will help determine the potential toxicological risks for humans," said co-author Thava Palanisami, a microplastics expert at the University of Newcastle. Some experts remain sceptical about long-term impacts. "Based on evidence available, I don't think that health effects of microplastics are a concern," said Alastair Grant, a professor of ecology at the University of East Anglia, the United Kingdom. But that doesn't mean plastics isn't a major problem, he added. "What we do need is political and economic actions to reduce the amounts of plastic being disposed of into the environment

and encourage recycling." Media and watchdog reports have recently uncovered numerous cases of plastic waste from rich countries destined for recycling in poorer ones being dumped or burned instead. "This is likely to have much more serious health effects than a rather small number of plastic particles in food and water," Grant said. WWF said only hard targets backed by binding national commitments could hope to stem the plastics tide. "The goal must be to reduce plastic leakage into nature to zero. We need a new, legally-binding agreement to combat marine plastic pollution — it should be a standalone treaty like the Montreal Protocol or the Paris Agreement," said Eirik Lindebjerg, WWF's plastics policy manager. "Zero plastics" does not mean no plastics used. But waste must be folded back into a circular economy, and plastics should no longer be made from fossil fuels, Lindebjerg added. **AFP**

If we don't want it in our bodies, we need to stop the millions of tonnes of plastic that continue leaking into nature every year.

MARCO LAMBERTINI
director-general of WWF International